

**THE REASON OF JAMA' PRAYER FROM THE VIEWS OF FOUR SCHOOLS OF THOUGHT**

**TA'LIL JAMAK SOLAT MENGIKUT PANDANGAN EMPAT MAZHAB**

Hanan Ahmad Sukri<sup>i</sup> & Nurul Ilyana Muhd Adnan<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Calon Sarjana, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. hananshukri93@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. ilyana\_adnan@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Prayer is an obligation where every Muslim need to perform no matter they are. However, there was a rukhsah given by Allah SWT to His servants who are in difficulty or hardship. This study focuses on the implementation of jama' prayer during emergency by observing at the situation taht arisen today, especially in Malaysia. While, there is inconvenience which caused a Muslim cannot perform prayer on time. Among the issues that arise today are tarffic congestion, especially during peak hours in the afternoon, between the prayer time of the Asar and Maghrib, this causes those who are involved in traffic congestion cannot perform the prayer on the time. This issue is highly in concern baccuse according to Islamic shariah, prayer should be performed by Muslim no matter what the circumstances is. Therefore previous scholars have mutual consent discussing this issue even in the past there was no traffic congestion, but there are various circumstances which is allowed to combine between two prayer (Jama'). Hence, this study is done firstly, to analyze emerging issues which lead a mukallaf having a barrier to perform the prayer on time. Secondly to study the views of the earlier scholars of the Jurisprudence of Hanafi, Maliki, Syafie and Hanbali. This research will use document analysis methods and it is based on the main references from al-Quran, hadith and four school of thought, fiqh books and also by reviewing the relevant journal. Among the Islamic Jurisprudents books used in this study are Al-Wasit Fi al-Madhahib, Al-Muhadhdhab Fi Fiqh Imam Al-Shafi'iy, Al-Rawd Al-Murbi', Al-Mudawwanat Al-Kubra, and some other jurisprudence. The findings are analysed through descriptive analysis. The authors have found that according to the Hanafi sect, combining prayers is only permissible to haji pilgrims while they are in Arafah and Muzdalifah. However according to the Jumhur it is permissible to jama' prayers due to harm and difficulty such as during tarvelling, heavy rain sickness.</i></p> <p>Keywords: Reason, Jama', Prayer, Traffic, Madhhab.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Solat merupakan tuntutan yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam tidak kira dimana mereka berada. Akan tetapi, terdapat keringanan iaitu rukhsah yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang sedang berada di dalam kesulitan. Kajian ini menfokuskan kepada palaksanaan solat jamak ketika mempunyai kesukaran dengan melihat keadaan yang berlaku pada hari ini, terutamanya di negara Malaysia. Di mana, timbulnya kesulitan yang menyebabkan seseorang itu tidak dapat melaksanakan solat pada waktunya. Antara permasalahan yang muncul pada hari ini antaranya, berlaku kesesakan</i></p>

*lalu lintas terutamanya pada waktu-waktu kemuncak seperti waktu petang, diantara waktu Asar sehingga masuknya waktu Maghrib, hal ini menyebabkan mereka yang terlibat dalam kesesakan jalan raya tidak dapat menunaikan solat Asar pada waktunya. Oleh itu, perkara ini membimbangkan kerana solat adalah tuntutan yang perlu dilaksanakan walau dalam keadaan apa pun. Seperti yang diketahui, ulama-ulama terdahulu telah bersepakat membincangkan masalah-masalah seperti ini walaupun pada zaman dahulu tiada kesesakan jalan raya akan tetapi terdapat pelbagai keadaan yang dibenarkan untuk mengumpul solat. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis isu-isu yang muncul dan menyebabkan seseorang mukallaf itu mempunyai kesukaran atau kesesakan waktu untuk melaksanakan solat pada waktunya dan melihat kepada pandangan ulama-ulama fiqh terdahulu iaitu Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Mazhab Hanbali. Kajian ini menggunakan kaedah penganalisan data dan ia berDasarkan kepada rujukan utama dari al-quran, hadis, kitab-kitab fiqh keempat-empat mazhab serta beberapa jurnal yang berkaitan. Antara kitab-kitab fiqh yang digunakan di dalam kajian ini ialah Al-Wasit Fi al-Madhahib, Al-Muhadhdhab Fi Fiqh Imam Al-Shafi'iy, Al-Rawd Al-Murbi', Al-Mudawwanat Al-Kubra dan beberapa kitab fiqh yang lain. Hasil kajian dianalisis secara deskriptif, penulis telah mendapati bahawa mengumpul solat hanya dibenarkan bagi para yang menunaikan haji di Arafah dan di Muzdalifah ini ialah menurut mazhab Hanafi, tetapi menurut jumhur membolehkan untuk jamak solat disebabkan terdapat kemudahan dan kesulitan seperti bermusafir, hujan dan sakit.*

Kata kunci: *Ta'lil, Jamak, Solat, Lalu Lintas, Mazhab.*

## PENDAHULUAN

Solat merupakan kewajiban yang diperintahkan oleh Allah kepada hamba-Nya. Solat juga adalah asas dan tiang agama dan merupakan rukun Islam yang kedua. Solat bukanlah bebanan yang diberikan kepada umat Nabi Muhammad SAW dan bukanlah suatu tanggungjawab hanya untuk mengelak diri daripada dosa. Akan tetapi, sesungguhnya solat merupakan hadiah yang paling agung daripada Pencipta untuk hamba-Nya bermunajat dengan-Nya. Solat merupakan benteng yang kukuh untuk menjauhkan seseorang itu dalam menghadapi fitnah di dunia, dan jauh daripada melakukan kemungkaran. Walaupun seseorang itu berada dalam kesibukan mahupun kemudahan untuk melaksanakan solat pada waktunya tidak ada alasan untuk dia meninggalkan solat.

Disebabkan hal ini, Allah memberi kelonggaran kepada hamba-Nya yang menunaikan solat dalam setiap keadaan yang perlu. Hukum yang telah ditentukan dalam al-Quran dan al-Sunnah selalu memandang kemampuan seseorang hamba itu dan memberi kemudahan pada saat manusia itu berada dalam kesulitan kerana Allah SWT mengkehendaki yang mudah dan setaraf dengan kemampuan hamba-Nya tanpa terus menetapkan hukum tanpa melihat kemampuan hamba-Nya (Al-Nadwi, 1994).

Nabi Muhammad juga memilih perkara paling mudah jika diberi dua pilihan selagi tak mendatangkan dosa (Abu Zahrah, 1957). Allah telah memberikan keringanan kepada hamba-Nya sama ada jamak, qasar dan qada solat bergantung dengan keadaan yang mempunyai halangan untuk melaksanakan solat. Oleh itu, dalam penulisan ini, akan dirungkaikan lagi hukum dan pelaksanaan solat ketika darurat.

Solat jamak merupakan penggabungan antara solat Zuhur dan Asar, solat Maghrib dan Isyak, sama ada (taqdim) solat pada waktu pertama atau (ta'khir) solat pada waktu kedua, akan tetapi solat Subuh tidak boleh dikumpulkan dengan mana-mana waktu yang lain. Solat jamak dikaitkan dengan memendekkan solat iaitu qasar solat, yang merupakan rukhsah daripada Allah kepada hamba-Nya yang sedang berada dalam perjalanan. Contohnya fardu Zuhur dikurangkan daripada 4 rakaat kepada 2 rakaat, begitulah fardu Asar dan Isyak, tetapi tidak dibenarkan bagi fardu Maghrib. Firman Allah Taala:

﴿وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ  
الْكَافِرِينَ كَانُوا لَكُمْ عَدُوًّا مُّبِينًا﴾

Maksudnya, "Dan apabila kamu bepergian di muka bumi, maka tidaklah mengapa kamu mengqasarkan sembahyang(mu), jika kamu takut diserang orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang nyata bagimu" (al-Quran. Al-Nisa': 101).

Akan tetapi ketakutan yang akan terjadi seperti yang diterangkan dalam ayat ini supaya seseorang itu boleh memendekkan solat bukanlah syarat utama (Sayyid Sabiq, 2009). Tidak mustahil situasi ini akan menimbulkan pertanyaan di kalangan orang ramai sedangkan keadaan di Malaysia yang tiada ancaman daripada orang kafir tidak akan disyariatkan solat qasar. Oleh itu, keadaan ini terdapat perbezaan pendapat tentang memendekkan solat. Antaranya mazhab Maliki menetapkan ia sebagai sunat mu'akkad dan mazhab Hanbali ialah harus.

Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan lebih mendalam berkaitan sebab-sebab yang dibenarkan untuk solat jamak mengikut pandangan empat mazhab, iaitu mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Syafie dan mazhab Hanbali. Seperti yang diketahui, jamak solat solat sering dikaitkan ketika bermusafir, iaitu apabila seseorang dalam perjalanan dibolehkan ke atasnya untuk jamak solat. Di sisi jumah selain Hanafi menurut mereka tiada pertikaian lagi tentang jamak solat ketika bermusafir kerana terdapat hadis Rasulullah menghimpunkan solat ketika bermusafir. Seperti hadis yang telah diriwayatkan oleh Anas RA:

﴿إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ أَنْ تَزِيغَ الشَّمْسُ أَخَّرَ الظُّهْرَ إِلَى وَقْتِ الْعَصْرِ ثُمَّ نَزَلَ فَجَمَعَ بَيْنَهُمَا فَإِنْ زَاعَتْ الشَّمْسُ قَبْلَ أَنْ يَرْتَحَلَ صَلَّى الظُّهْرَ ثُمَّ رَكَبَ﴾

Maksudnya, "Sesungguhnya apabila Nabi Muhammad SAW bermusafir sebelum gelincir matahari, beliau akan mengakhirkan atau melewati waktu Zohor sehinggalah waktu Asar, kemudian beliau singgah disuatu tempat dan bersolat jamak kedua-dua solat. Apabila baginda berangkat sebelum gelincir matahari, Nabi akan bersolat Zohor dan kemudian berangkat" (Hadis. Al-Bukhari. Bab Idha Irtahala Ba'da Ma Zaghat Al-Shamsu Salla al-Zuhra Thumma Rakiba. 1073).

Hadis ini menerangkan menghimpunkan solat ketika bermusafir tidak asing lagi dalam kehidupan seseorang muslim itu. Jamak solat merupakan rukhsah atau keringanan yang Allah berikan kepada hambaNya yang mempunyai kesulitan dalam melaksanakan solat pada waktunya. Akan tetapi, umat Islam di Malaysia kebanyakannya menganggap solat jamak hanya dibolehkan ke atas mereka yang bermusafir sahaja. Sedangkan jamak solat ketika musafir antara salah satu faktor dibenarkan jamak solat disebabkan terdapat kemudahan atau kesulitan dalam melaksanakan solat pada waktunya. Ini merupakan rukhsah iaitu keringanan ataupun kelonggaran yang Allah SWT berikan kepada hambaNya, bukan sahaja dalam perjalanan akan tetapi Rasulullah juga pernah jamak solat selain daripada bermusafir dan hujan (Yaakub, 2005).

Selain itu, dalam fatwa kotemporari Yusuf Al-Qaradawi (2015) menyatakan para ahli fiqh mazhab Hanbali membenarkan setiap umat Islam sama ada lelaki mahupun perempuan untuk jamak solat Zuhur dengan Asar ataupun solat Maghrib dengan Isyak dalam situasi tertentu disebabkan keuzuran. Namun demikian, dalam masalah seperti mengadiri majlis-majlis keraian, hal ini tidak dianggap sebagai suatu kesulitan ataupun darurat untuk menghimpunkan solat.

Manakala di negara Malaysia meletakkan mazhab Syafie ikutan yang paling utama dalam setiap pandangan hukum terutamanya dalam bidang ibadat, sekiranya timbul isu-isu yang baru maka akan dirujuk dalam mazhab Syafie (Anisah, 2007). Antara isu-isu baru

yang timbul yang sering berlaku di Malaysia ialah mengenai hukum mereka yang terlibat dalam kesesakan jalan raya dan meninggalkan solat (Fauzi, 2013).

Menurut beliau jika seseorang itu terperangkap dalam kesakan lalu lintas, dibenarkan untuk melaksanakan solat hormat waktu, kerana waktu solat hampir berakhir dan menurut beliau sesiapa yang melaksanakan solat hormat waktu harus mengganti solat semula. Di samping itu, isu solat jamak juga sering menjadi persoalan dalam kalangan pekerja seperti doktor, polis trafik dan lain-lain. Contohnya situasi yang berlaku terhadap doktor pakar yang sukar untuk melaksanakan solat pada waktunya kerana terikat dengan merawat pesakit yang berada di dewan pembedahan dan menyebabkan waktu solat terlepas daripada melaksanakannya (Nidzam, 2006).

Bertitik tolak dalam hal ini, Yaakub (2015) mengatakan rata-rata umat Islam di Malaysia mengatakan jamak solat hanya dibolehkan ke atas sesiapa yang bermusafir sahaja, akan tetapi musafir ialah salah satu sebab dibolehkan untuk jamak solat. Oleh itu, kajian ini akan menerangkan lebih mendalam agar tiada kekeliruan yang berkaitan jamak solat ketika darurat mengikut pandangan empat mazhab.

Dalam kajian ini penulis menggunakan kitab-kitab fiqh terdahulu, antaranya seperti *Al-Wasit Fi al-Madhahib*, *Al-Muhadhdhab Fi Fiqh Imam Al-Shafi'yy*, *Al-Rawd Al-Murbi'*, *Al-Mudawwanah Al-Kubra*, *al-Hidayah Sharh Bidayat Al-Mubtadi*. Untuk menjadikan kajian ini berautoriti, kajian ini akan menggunakan kaedah pengumpulan data dan menganalisis data digunakan, iaitu dengan menganalisis kandungan ke atas kitab-kitab turath daripada mazhab Hanafi, Syafie, Maliki dan Hanbali dan beberapa buah kitab moden.

#### **MAKSUD JAMAK SOLAT DARI SEGI BAHASA ISTILAH DAN MENERANGKAN SOLAT YANG DIHIMPUNKAN**

Maksud jamak dari segi bahasa ialah daripada kumpul, iaitu sesuatu yang berlainan atau mempunyai perbezaan dikumpulkan atau dihipunkan menjadi satu. Manakala maksud jamak solat dari segi istilah mempunyai perbezaan maksud di kalangan para fuqaha yang terbahagi kepada dua pandangan. Pandangan yang pertama pandangan daripada jumhur fuqaha kecuali pandangan daripada mazhab Hanafi iaitu menurut mereka jamak solat merupakan menghimpunkan atau mengumpulkan dua waktu solat dilaksanakan pada satu waktu sama ada dilaksanakan secara taqdim (diawalkan) contohnya solat Zuhur dan solat Asar yang dilaksanakan ketika waktu Zuhur.

Atau pun jamak ta'khir (melewatkan) apabila seseorang itu menunaikan solat Zuhur dan Asar dilaksanakan pada waktu Asar. Seperti juga menggabungkan antara solat Maghrib dengan waktu Isyak, akan tetapi solat Subuh tidak sah untuk dijamak pada mana-mana waktu solat. Tidak dibenarkan bagi seseorang mukallaf untuk melewatkan solat fardu daripada waktunya atau mengawalkan tanpa sebab-sebab tertentu, kerana Allah telah memerintahkan kita untuk melakukan solat pada waktu yang telah ditetapkan (al-Fairuzabadi, 1987).

Sebaliknya pandangan kedua daripada mazhab Hanafi yang menyatakan maksud jamak solat yang sebenarnya tidak ada, kecuali jamak solat di Arafah dan di Muzdalifah sahaja, akan tetapi terdapat maksud lain yang mengatakan jamak solat di sisi mereka ialah melewatkan solat yang pertama sehingga berakhirnya waktu solat dan melaksanakan setelah masuknya waktu solat kedua, menurut mereka ini ialah dimaksudkan dengan perbuatan jamak, gambaran jamak dan ia bukanlah jamak yang sebenar-benarnya (al-Zuhayli, 1985).

Di samping itu, apabila disebut jamak solat akan selalu dikaitkan dengan qasar, iaitu solat empat rakaat dipendekkan menjadi dua rakaat sahaja iaitu solat Zuhur, Asar, dan Isyak akan tetapi solat fardu Subuh dan Maghrib tidak harus dipendekkan (Abdul Majid, 2016). Memendekkan solat atau qasar adalah keringanan yang diberikan oleh Allah kepada hambanya yang sedang bermusafir dan ia adalah sunat untuk dilakukan bagi mereka yang bermusafir, tetapi menyempurnakan solat lebih terbaik (Nasir, 2012). Hukum untuk melaksanakan solat qasar adalah harus bagi seseorang yang berada dalam

perjalanan atau sedang bermusafir yang cukup akan syarat-syaratnya. Hal ini kerana, bermusafir adalah syarat bagi melaksanakan solat qasar iaitu memendekkan solat.

Akan tetapi Johari (2012) mengatakan jika seseorang itu hendak menempuhi perjalanan yang jauh dan dikhuatiri tidak dapat melaksanakan solat secara sempurna, seperti dalam perjalanan jauh dengan menaiki kapal terbang, kereta api dan sebagainya. Maka dalam keadaan seperti itu, eloklah baginya mengerjakan solat secara jamak taqdim, dan sekiranya dalam perjalanan yang tidak ada sebarang kesusahan yang dihadapi, maka eloklah solat secara jamak takhir.

### **TA'LIL JAMAK SOLAT MENGIKUT PANDANGAN EMPAT MAZHAB**

Perkataan ta'lil daripada kalimah arab yang membawa maksud sebab atau punca. Dalam Kamus Dewan edisi keempat, punca atau sebab yang membawa maksud perkara yang mengakibatkan sesuatu, atau berlakunya sesuatu yang mempunyai punca atau sebabnya.

#### **Ta'lil Al-Ahkam Menurut Fuqaha**

Dari sudut bahasa, *ta'lil al-ahkam* bermaksud menerangkan sebab ataupun tujuan ke atas sesuatu (hukum). Setiap sesuatu perkara yang telah ditetapkan hukumnya yang telah mempunyai sebab-sebab tertentu dan disabitkan dengan dalil yang telah ditetapkan.

Manakala maksud *ta'lil al-ahkam* menurut istilah, perkataan tersebut tidak diketahui secara jelas pada awalnya. Akan tetapi ketika zaman perkembangan mazhab fiqh, mereka menetapkan sesuatu hukum dengan akal. Namun ada segelintir yang menggunakannya dan ada juga menolaknya. Dalam pada itu, ulama usul telah menyatakan hukum-hukum yang Allah telah ditetapkan bertujuan kemasalahatan manusia sama ada di dunia mahupun di akhirat. Menurut Ibn Manzur (2010) dalam kitab *Lisan al-Arab*, perkataan illah itu membawa maksud kata nama bagi sesuatu yang berubah jika berlaku sesuatu. Selain itu, menurutnya perkataan illah itu beerti penyakit, kerana tubuh orang yang sakit akan berlaku perubahan apabila seseorang itu mendapat penyakit.

Manakala menurut al-Shatibi (2008) menyatakan illah ialah sesuatu hukum yang telah ada berkait dengan hikmah dan masalah. Selain itu, dalam takrifan al-Shatibi telah pergi lebih jauh dengan tidak menjadikan neraca atau syarat illah seperti yang telah diletakkan oleh ulama dahulu sebagai satu syarat illah. Hal ini kerana menurut al-Shatibi, illah merupakan hikmah dan objektif serta masalah kepada sesuatu hukum itu. Oleh itu, al-Shatibi mentakrifkan illah itu ialah hikmah dan masalah yang bergantung dengannya segala suruhan, keharusan dan keburukan yang bergantung kepadanya, segala larangan, kesusahan merupakan illah dalam mengharuskan qasar solat serta berbuka puasa ketika bermusafir. Sementara bermusafir menjadi sebab yang menyebabkan keharusan qasar dan berbuka.

Oleh yang demikian, pentakrifan yang telah diberikan oleh al-Shatibi iaitu menentukan sesuatu hukum itu dengan meletakkan masalah dan mafsadah sebagai illahnya. Walaupun sebahagian ulama meletakkan beberapa syarat kepada masalah dan mashaqqah untuk dikategorikan sebagai illah, al-Syatibi tidak meletakkan syarat kepada masalah dan mashaqqah yang mahu dianggap illah tersebut. Sungguhpun para ulama islam zaman dahulu dengan mazhab, mereka telah menganggapi bahawa sebahagian besar hukum syarak dapat difahami hikmah dan objektifnya pensyariatannya kerana menurut mereka ini ialah peranan *ta'lil al-ahkam* dalam perubahan hukum. Mereka akan memahami hikmah pensyariatannya ini melalui nas al-Quran, hadis atau juga melalui ijtihad mereka sendiri. Walaupun terdapat sebahagian ulama tidak menerimanya, ia tidak menjadi hujah kepada satu haikat ilmiah yang hampir diterima kesemua ulama dahulu dan kini (Isa, 2018).

Di samping itu, menurut (Muhammad Nashiruddin ,t.th) dalam kajian ilmiahnya di mana masalah-masalah kontemporari seperti isu jamak solat, menurutnya penggunaan maqasid syariah selain menggunakan kaedah qiyas menjadi satu alternatif dalam proses *ta'lil* hukum dalam penentuan hukum yang baru. Oleh itu, telah bersepakat seluruh ulama mengatakan hukum syarak yang disyariatkan adalah untuk mencapai maslahat dan

menolak mafsadah. Secara khususnya, maslahat itu sesuatu yang bermanfaat, baik atau memberikan sesuatu impak yang baik dengan menjauhkan segala kemudaratan. Dengan pencapaian kemaslahatan dalam menolak mafsadah itu yang telah dimaksudkan oleh Syarak untuk menentukan hukum dan disebut sebagai maqasid syariah.

### **Antara Keadaan yang Menyebabkan Untuk Jamak Solat**

Tidak sah untuk jamak solat jika tiada keuzuran atau sebab-sebab yang membolehkan jamak solat, kerana asal solat ialah melaksanakan solat pada waktunya, akan tetapi yang membolehkan sesuatu yang sukar untuk melaksanakannya kepada keringanan hanya dibolehkan jika mempunyai keuzuran sahaja. Jika tidak mempunyai keuzuran atau sebab untuk melaksanakan solat maka tidak dibenarkan untuk jamak solat. Menghimpunkan solat bukan hanya ditetapkan ketika bermusafir sahaja akan tetapi situasi-situasi lain yang dibolehkan untuk jamak solat.

Menurut fuqaha terdapat keadaan dan sebab yang dibenarkan untuk jamak solat. Antara keadaan dan sebab yang dibolehkan untuk mengumpul solat ialah, ketika sedang beribadah haji di Arafah dan di Muzdalifah, mereka yang sedang bermusafir, ketika sakit, hujan, dan jamak kerana hajat dan kemudaratan yang timbul. Namun, terdapat perbezaan pandangan menurut mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali mengenai situasi atau sebab-sebab yang dibenarkan untuk jamak solat.

Berikut adalah antara perbahasan di antara mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali mengenai keadaan yang menyebabkan bolehk untuk jamak solat:

#### **A. Jamak Solat Ketika di Arafah dan di Muzdalifah**

Dalam mazhab Hanafi mengatakan tidak dibenarkan untuk jamak solat secara jamak taqdim kecuali mereka yang mengerjakan haji di Arafah dengan syarat solat secara berjemaah dengan imam atau naibnya. Manakala di Muzdalifah dibolehkan untuk jamak solat bagi orang yang sedang mengerjakan haji. Cara melaksanakan solat jamak di Arafah dengan jamak taqdim, mengumpulkan waktu Asar pada waktu Zuhur, dan jamak ta'khir ketika berada di Muzdalifah dengan menggabungkan waktu Maghrib pada waktu Isyak (al-Musili, 1975). Hal ini disandarkan dengan dalil Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا﴾

Maksudnya, "Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya" (Al-Quran. Surah Al-Nisa' :103).

Mafhum daripada firman Allah SWT, bahawasanya wajib keatas orang beriman melaksanakan solat pada waktu yang telah ditetapkan dan dilarang untuk melewatkan waktu solat atau mengawalkan. Menurut mazhab ini perbuatan jamak solat ialah dengan melewatkan waktu Zuhur dengan melaksanakan pada akhir waktunya, dan melaksanakan waktu Asar pada awal waktu begitu juga waktu Maghrib dan Isyak. Perbuatan jamak ini dikira sebagai jamak suri iaitu seakan-akan jamak akan tetapi di sisi kami, melaksanakan jamak sama ada jamak taqdim atau takhir tidak harus (al-Barni, 1408H). Oleh itu, menurut mazhab ini sebab yang dibenarkan jamak solat di Arafah dan di Muzdalifah adalah disebabkan perbuatan atau sunnah Rasulullah SAW kerana nusuk iaitu ibadah haji (al-Sarakhsi, 1986).

Dalam pada itu, pendapat ini diterima juga di sisi mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali. Dibolehkan ke atas jemaah haji untuk mengumpulkan dua solat antara solat Zuhur dengan Asar secara jamak taqdim di Arafah, sama ada untuk penduduk daerah-daerah manasik haji, iaitu di Mina, Muzdalifah atau tempat lainnya. Tambahan itu, bagi penduduk selain Arafah dibenarkan untuk qasar solat. Oleh yang demikian, menurut mazhab Maliki sebab yang membenarkan jamak solat pada musim haji di Arafah dan di Muzdalifah adalah di sebabkan sunnah (al-Qarafi, 1994).

## B. Jamak Solat Ketika Bermusafir

Menurut di sisi mazhab Hanafi mengenai jamak solat ketika bermusafir melarang sama sekali, kerana di sisi mazhab ini hanya menerima jamak solat di Arafah dan di Muzdalifah. Telah berkata al-Musili (1975) dalam karangan beliau, tidak dibolehkan jamak antara dua solat pada satu waktu sama ada ketika bermukim atau ketika dalam perjalanan kecuali jamak solat di Arafah dan di Muzdalifah.

Namun demikian, pendapat daripada mazhab Hanafi berbeza dengan pendapat di sisi mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali. Ini kerana di sisi mazhab Maliki, membenarkan untuk jamak solat ketika di dalam perjalanan, seperti mana yang telah dinyatakan oleh al-Asbahi (1994) tidak harus untuk jamak dua solat kecuali jika dia mendapati mashaqqah (kesukaran) ke atasnya untuk melaksanakan solat pada waktunya.

Maka dibolehkan ke atasnya untuk jamak solat sama ada dengan mengawalkan fardu Asar, atau melewati fardu Zuhur dan dilaksanakan pada mana-mana waktu begitu juga dengan fardu Maghrib dan Isyak. Oleh yang demikian, kerana beliau berpandukan dengan hadis Rasulullah SAW pernah jamak solat ketika bermusafir ke Tabuk. Seperti di dalam hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Mu'az Bin Jabal, telah berkata:

{ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْمَعُ بَيْنَ صَلَاةِ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ إِذَا كَانَ عَلَى ظَهْرٍ سَيْرٍ، وَيَجْمَعُ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ }

Maksudnya, "Rasulullah SAW menjamakkan solat Zuhur dengan Asar ketika perjalanan (bermusafir) dan menjamakkan solat Maghrib dengan Isyak" (Hadis. Al-Bukhari. Bab al-Jam' Fi al-Safar Bayna al-Maghrib Wa al-Isha'. 1056).

Hadis ini menerangkan sesungguhnya jamak solat ketika musafir dibolehkan kerana Nabi Muhammad SAW pernah melakukan ketika baginda bermusafir ke Tabuk. Inilah kelonggaran yang Allah Azza wa Jalla beri kepada hamba-Nya sesuai dengan sifat-Nya yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Hal ini disebabkan, menurut mazhab Maliki sebab yang membenarkan untuk jamak solat ketika musafir kerana terdapat kesukaran untuk melaksanakan solat pada waktunya (Ibn Qudamah, 1405).

Dalam pada itu, pendapat mazhab Maliki mengenai membolehkan jamak solat disebabkan musafir diterima juga di sisi mazhab Syafie. Seperti mana yang telah disebut dalam karangan al-Ghazali (1997) beliau mengatakan di dalam mazhab Syafie boleh menggabungkan solat antara solat Zuhur dengan Asar, dan antara solat Maghrib dengan Isyak ketika berada dalam perjalanan. Bersandarkan kepada dalil hadis Nabi Muhammad SAW daripada Anas RA berkata:

{ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَجْمَعَ بَيْنَ الصَّلَاتَيْنِ فِي السَّفَرِ، أَخَّرَ الظُّهْرَ حَتَّى يَدْخُلَ أَوَّلَ وَقْتِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَجْمَعُ بَيْنَهُمَا }

Maksudnya, "Apabila Nabi SAW ingin menjamakkan dua solat semasa bermusafir, beliau akan mengakhirkan atau melambatkan Zuhur sehingga masuk waktu Asar, kemudian baginda menjamakkan keduanya" (Hadis. Muslim. Babal- Jam' Bayna al-Salatayn Fi al-Safar. 614).

Menurut mazhab Syafie mengenai dalil hadis ini, dibolehkan ke atas orang yang bermusafir untuk jamak solat antara Zuhur dengan Asar, dan antara Maghrib dengan Isyak pada salah satu waktu, sama ada pada waktu solat yang pertama atau kedua (al-Syafie, 1990).

Selain itu, menurut al-Shirazi (1416) pandangan daripada mazhab Syafie, menyatakan harus jamak solat antara solat Zuhur dengan Asar, dan antara Maghrib dengan Isyak dalam perjalanan yang boleh qasar solat. Akan tetapi terdapat dua pandangan mengenai qasar solat dalam perjalanan. Yang pertama harus (qasar solat)

kerana disebabkan musafir dan disebabkan perjalanan yang panjang maka harus untuk jamak dan qasar solat. Sebaliknya, pendapat yang kedua tidak harus qasar solat kerana kebenarannya keluar daripada waktu solat tidak harus qasar solat ketika musafir seperti mana berbuka puasa ketika berpuasa.

Oleh itu, menurut dalam mazhab Syafie mengumpulkan kedua-dua solat secara taqdim atau ta'khir bagi seseorang yang sedang bermusafir yang melebihi jarak qasar dibolehkan sebagaimana dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan (Abdul Qadir, 2009). Tambahan lagi, di dalam mazhab Syafie tidak membenarkan jamak antara dua solat jika di dalam perjalanan terdapat unsur maksiat (al-Rafie, 1997). Sebab yang dibolehkan jamak solat di sisi mazhab Syafie adalah disebabkan kesukaran atau kepayahan melaksanakan solat pada waktunya ketika bermusafir, maka jamak solat adalah rukhsah yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada hamba-Nya.

Pada waktu yang sama, di sisi mazhab Hanbali juga menerima jamak solat ketika bermusafir seperti mana yang telah disepakati oleh mazhab Maliki dan Syafie. Dalam karangan al-Bahuti (1344) menyenaraikan antara golongan yang dikategorikan sebagai keuzuran ataupun kesulitan untuk melaksanakan solat pada waktunya, antaranya mereka yang sedang bermusafir. Menurut beliau di sisi mazhab Hanbali mereka ini dibolehkan untuk jamak solat antara waktu Zuhur dengan Asar dan antara waktu Maghrib dengan Isyak pada salah satu waktu, sama ada secara jamak taqdim atau takhir.

Terdapat dalil yang mengharuskan jamak solat ketika bermusafir, iaitu hadis Nabi Muhammad SAW daripada Ibn Abbas RA:

{ كان النبي صلى الله عليه وسلم يجمع بين المغرب والعشاء، إذا جد به السير }

Maksudnya, "Sesungguhnya Rasulullah SAW menggabungkan antara Maghrib dengan Isyak jika dalam perjalanan" (Hadis. Al-Bukhari. Bab Jam' al-Salatayn Fi alSafar. 613).

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa jamak solat ketika bermusafir dibolehkan kerana terdapat kesukaran untuk melaksanakan solat pada waktunya.

### C. Jamak Solat Ketika Hujan

Jamak solat ketika turunnya hujan tidak diterima di sisi mazhab Hanafi. Ini kerana, menurut mazhab ini jamak solat hanya dibolehkan ke atas orang yang menunaikan haji di Arafah dan di Muzdalifah sahaja (as-Sarkhasi, 1986). Di sebalik itu, hal ini bercanggah di sisi mazhab Maliki kerana di sisi Maliki menerima jamak disebabkan turunnya hujan. Menurut al-Asbahi (1994) jamak solat ketika hujan di malam hari di sisi mazhab Maliki dibolehkan. Menurutnya boleh menghimpunkan solat di antara fardu Maghrib dengan Isyak walaupun ketika bermukim walaupun tiada hujan tanah yang berbecak atau di dalam kegelapan. Tambahan itu, boleh dihimpunkan solat kerana hujan, sama ada ketika bermukim disebabkan hujan, tanah berbecak dan langit menjadi gelap, dibolehkan untuk melewati solat fardu Maghrib kemudian melaksanakan fardu Isyak. Akan tetapi, di sisi mazhab ini tidak membenarkan jamak antara fardu Zuhur dengan Asar semasa bermukim.

Di samping itu, di sisi mazhab ini menyatakan jamak solat ketika turunnya hujan atau hujan hamir turun kerana ia merupakan rukhsah ke atas mashaqqah yang ada. Menurut mazhab Maliki lagi, waktu yang boleh dihimpunkan ketika hujan ialah antara fardu Maghrib dengan Isyak sahaja (Ibn Anas, 1994). Bersandarkan kepada dalil hadis daripada Ibn Abbas RA:

{ صلى رسول الله صلى الله عليه وسلم الظهر والعصر والمغرب والعشاء جميعا في غير خوف ولا سفر }

Maksudnya, "Nabi Muhammad SAW telah solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak secara jamak dalam keadaan tiada ketakutan dan tidak musafir" (Hadis. Al-Bukhari. Bab al-Jam' fi al-Matar Bayna al-Salatayn. 543).

Oleh itu, dengan berpandukan hadis ini, mazhab Maliki meletakkan boleh jamak solat ketika hujan. Walaupun dalam hadis mengatakan boleh jamak solat antara Zuhur

dengan Asar, akan tetapi menurut mazhab Maliki hanya menerima jamak antara Maghrib dengan Isyak ketika hujan (Ibn Anas, 1991).

Selain itu, di dalam mazhab ini meletakkan syarat-syarat tertentu membolehkan jamak solat ketika hujan, antaranya ialah mengumpulkan solat Maghrib dengan Isyak pada solat yang pertama iaitu pada solat Maghrib dan hujan masih turun ketika itu. Kemudian, seseorang itu hendaklah menunaikan solat secara berjemaah di masjid dan imam dan para jemaah haruslah niat untuk jamak solat. Seterusnya haruslah menunaikan kedua-dua solat itu secara berturut-turut tanpa ada selang yang lama di antara dua waktu tersebut dan akhir sekali melaksanakan solat Maghrib dahulu, kemudian diikuti dengan solat Isyak. Di sisi mazhab ini, sebab yang dibenarkan untuk jamak solat ketika turunnya hujan, adalah disebabkan sukarnya seseorang itu menunaikan solat pada waktunya ketika hujan turun (Ibn Anas, 1994).

Dalam pada itu, pandangan yang dilontarkan dalam mazhab Maliki mendapat sokongan dalam mazhab Syafie iaitu menerima jamak disebabkan hujan, akan tetapi sebahagian ulama mazhab Syafie menyatakan boleh untuk jamak antara dua solat ketika hujan, tetapi dilaksanakan pada waktu yang pertama (al-Shirazi, 1416). Telah berkata al-Nawawi ulama daripada mazhab Syafie mengatakan mazhab kami membenarkan jamak solat antara Zuhur dengan Asar dan antara Maghrib dengan Isyak (al-Nawawi, 1995). Tambahannya lagi, jamak solat ketika hujan boleh dilaksanakan sama ada ketika hujan lebat atau tidak (al-Syafie, 1990).

Dalil yang digunakan dalam mazhab ini, dalam menentukan jamak solat antara Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak ketika hujan, iaitu dalil yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas RA berkata:

{ جمع رسول الله صلى الله عليه وسلم بين الظهر والعصر، وبين المغرب والعشاء بالمدينة من غير خوف، ولا مطر }

Maksudnya, "Nabi Muhammad SAW telah mengumpulkan antara Zuhur dengan Asar, dan Maghrib dengan Isyak di Madinah tidak dalam keadaan takut dan tidak hujan" (Hadis. Muslim. Bab al-Jam' Bayna Al-Salatayn fi al-Hadari.705).

Hadis ini bermaksud Nabi Muhammad SAW jamak solat tidak kira berada dalam takut atau pun dalam keadaan hujan. Ini bermaksud jamak dua solat ketika hujan dibolehkan. Telah berkata al-Khattabi (1981) sesungguhnya dalam mazhab ini mensyaratkan dibolehkan untuk jamak solat ketika hujan, jika ketika menunaikan solat keadaan masih hujan.

Lain daripada itu, pandangan daripada Maliki dan Syafie diterima juga di sisi mazhab Hanbali untuk membolehkan jamak disebabkan hujan. Pandangan jamak solat ketika hujan menurut mazhab Hanbali menyatakan sesungguhnya jamak solat hanya dibolehkan antara fardu Maghrib dengan Isyak disebabkan oleh hujan sehingga boleh membasahi pakaian. Ini kerana dianggap kerana mempunyai kesukaran untuk melaksanakan solat pada waktu yang telah ditetapkan (al-Bahuti, 1344). Seperti mana dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari:

{ أن النبي صلى الله عليه وسلم جمع بين المغرب والعشاء، في ليلة مطيرة }

Maksudnya, "Nabi SAW pernah mengumpul solat Maghrib dengan Isyak pada suatu malam yang dibasahi hujan lebat" (Hadis. Al-Bukhari. Bab al-Jam' Bayna al-Maghrib Wa al-Isha' Fi Laylah Matirah. 528).

Hadis ini menerangkan, bahawasanya harus untuk jamak solat ketika hujan dan jamak solat hanya dibolehkan pada waktu malam iaitu antara waktu Maghrib dengan Isyak, dan tidak dibenarkan untuk jamak solat ketika siang hari iaitu antara waktu Zuhur dengan Asar. Hal ini, menurut mazhab Hanbali dalam membenarkan jamak solat ketika

hujan disebabkan oleh apabila turunnya hujan keadaan akan menjadi sejuk yang melampau dan air akan membeku menjadi ais (Johari, 2012).

#### D. Jamak Solat Ketika Sakit

Jamak solat disebabkan sakit, menurut di sisi mazhab Hanafi tidak dibenarkan. Hal ini kerana, mazhab Hanafi tidak menerima jamak solat kecuali jamak solat ketika di Arafah dan di Muzdalifah. Pandangan di sisi mazhab Hanafi bertentangan dengan pandangan mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali.

Menurut di sisi mazhab Maliki, jamak antara dua solat ketika sakit dibenarkan kerana seperti keadaan pesakit yang berasa takut akan pengsan ke atas dirinya ataupun sakit perut (Ibn Rushd, 1986). Tambahan lagi, menurut mazhab ini, keringanan ini diberikan ke atas mereka yang mengalami sakit perut atau seumpama dengannya yang mempunyai penyakit yang lebih teruk dan membahayakan dirinya untuk menunaikan solat pada setiap waktu (Ibn Anas, 1994). Oleh yang demikian, mazhab ini membenarkan solat jamak ketika sakit dengan bersandarkan dengan dalil daripada al-Quran, iaitu Firman Allah Taala:

﴿وَمَا جَعَلْ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ﴾

Maksudnya, "Dan tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama" (Al-Quran. al-Hajj : 78).

Daripada firman Allah Taala, menurut dalam mazhab ini menyatakan, dibenarkan untuk jamak solat kerana kepayahan untuk seseorang itu melaksanakan solat pada waktunya, maka dikategorikan sakit juga suatu kepayahan atau kesusahan untuk melaksanakan solat pada setiap waktu.

Pendapat di sisi mazhab Maliki dicangguh oleh al-Sharbini (1997) dalam mazhab Syafie tidak menerima untuk mengumpulkan dua solat disebabkan oleh sakit, kerana pada zaman Nabi Muhammad SAW tidak ada pengkhabaran membolehkan untuk menjamak dua solat ketika sakit (al-Syafie, 1990). Akan tetapi adapun fakta yang mengatakan tidak ada jamak solat kerana sakit di zaman nabi, menurut al-Shawkani (1958) ia adalah tidak benar, kerana istihadah dibolehkan untuk jamak solat, dan istihadah adalah antara jenis penyakit. Di samping itu, terdapat daripada sebahagian ulama daripada mazhab Syafie, membolehkan jamak solat disebabkan sakit (al-Nawawi, 1995). Seperti dalam hadis sahih Muslim, hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas:

{صلى رسول الله صلى الله عليه وسلم الظهر والعصر والمغرب والعشاء جميعا في غير خوف ولا سفر}

Maksudnya, "Nabi Muhammad SAW telah solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak secara jamak dalam keadaan tiada ketakutan dan tidak musafir" (Hadis. Al-Bukhari. Bab al-Jam' fi al-Matar Bayna Al-Salatayn. 543).

Hadis ini menerangkan mengenai kebolehan jamak bagi orang bermukim. Ia di ambil daripada zahir hadis dengan mengatakan membenarkan untuk jamak solat tanpa hajat keperluan semata-mata tetapi dengan syarat tidak dijadikan kebiasaan.

Oleh yang demikian, menurut mazhab ini, membenarkan solat jamak ketika sakit disebabkan oleh baginda Rasulullah SAW tidak mahu menyusahkan ummatnya kerana terdapat kesukaran seseorang itu hendak melaksanakan solat pada setiap waktu. Selain itu, di sisi Hanbali juga menerima jamak solat disebabkan sakit, tambahan lagi daripada al-Bahuti (1344) dibolehkan untuk jamak dua solat ke atas mereka yang sedang menyusu. Oleh itu, jamak solat ketika sakit dibolehkan kerana terdapat kesusahan dan kelemahan untuk melaksanakan solat pada waktunya atau pada setiap waktu (Ibn Qudamah, 1405) dan jamak antara dua solat ialah keringanan yang diberikan ke atas mereka yang sakit dan sedang menyusu.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulan mengenai perbahasan daripada mazhab-mazhab dalam masalah ini ialah, telah bersepakat para fuqaha menerima mengumpulkan dua solat ketika di Arafah dan di Muzdalifah ke atas para yang sedang menunaikan haji. Di sisi mazhab Hanafi tidak menerima keadaan yang lain kecuali jamak solat di Arafah dan di Muzdalifah bagi membolehkan untuk jamak solat. Manakala di sisi mazhab Maliki, Syafie, dan Hanbali menerima keadaan yang lain untuk jamak solat, antaranya ialah jamak solat ketika bermusafir, ketika hujan dan ketika sakit.

Oleh yang demikian, melihat kepada situasai zaman sekarang, banyak keadaan di mana kesukaran atau jauh dari kemampuan manusia itu sendiri bagi menunaikan solat pada waktunya walaupun tanpa bermusafir. Contohnya dalam situasi seseorang yang sakit atau dirawat di hospital kerana sakit atau ditimpa kemalangan, atau bagi mereka yang sudah berusia dan mereka berasa kesulitan serta boleh memudaratkan dirinya andai mereka melaksanakan solat seperti biasa. Maka dalam hal ini, islam telah memberi rukhsah dan lebih fleksibel untuk melaksanakan solat semampu mungkin (Yusri, 2015).

Selain itu, sukar melaksanakan solat jika terperangkap dalam kesesakan lalu lintas sedangkan waktu solat telah tiba atau hampir dipenghujung waktu. Seperti mana, seseorang yang terlibat dengan perkerjaan seperti polis, doktor dan sebagainya. Dalam kalangan mereka yang sering terlibat dengan situasi berada dalam keadaan kerahan tenaga, contohnya berlaku kepada rakyat singapura yang terpaksa memahirkan diri dalam hutan dan tiada waktu rehat untuk melaksanakan solat sehingga terlepas waktu solat.

Selain itu, terdapat juga situasi seperti mereka yang terlibat dengan kerja pada waktu yang panjang dan membabitkan penjagaan mesin, contohnya andai dia berhenti untuk solat mengakibatkan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku. Begitu juga perkara yang sering terjadi ke atas pelajar, sewaktu menghadapi peperiksaan ramai dalam kalangan mereka yang terpaksa meninggalkan waktu solat disebabkan terlibat dengan ujian peperiksaan yang perlu di duduki.

Situasi-situasi ini telah dibenarkan dengan berdasarkan hadis sahih muslim, hadis daripada Abu Zubayr daripada Sa'id bin Jubayr daripada Ibnu Abbas yang bermaksud, "Nabi S.W.T pernah menjamakkan solat Zuhur dan Asar, begitu juga magrib dan Isyak di Madinah bukan kerana takut atau kerana musafir".

Alasan yang dibenarkan mengumpul solat di sini ialah keuzuran yang tidak membenarkan kita melaksanakan solat pada masa yang telah ditetapkan (Yusri, 2015). Walau bagaimanapun, diingatkan bahawa situasi ini tidak boleh berterusan hanyalah pada situasi tertentu sahaja, dan ia dilakukan tanpa qasar. Oleh itu, menghimpunkan solat disebabkan apabila seseorang itu mempunyai kemudahan, kesukaran atau kesulitan untuk melaksanakan solat pada waktunya. Dalam penulisan ini, dapat disimpulkan bahawa jamak solat solat dibolehkan atas sebab-sebab faktor yang tertentu, akan tetapi jamak solat ini tidak boleh dijadikan kebiasaan.

## **RUJUKAN**

- Abdul Majid Bin Omar. 2016. *Kitab Solat Panduan Komprehensif Mengikut Mazhab Shafie*. n.p: Darul Fikir.
- Abdul Rahman al-Jazari. 1994. *Kitab al-Fiqh Ala-Madhahib al-Arba'ah*. Darul Hadis Jami'ah al-Azhar.
- Abdul Qadir ar-Rahbawi. 2009 . *Fiqh Solat Empat Mazhab*. Terj: Nabilah Abd. Jalil. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Abdullah Bin Mahmud bin Mawdud al-Musili. 1975. *al-Ikhtiyar Li ta'il al-Mukhtar*. Beirut: Darul Ma'rifah.
- Abdullah Bin Ahmad Ibn Qudamah. 1985. *al-Mughni 'Ala MukhtAsar al-Kharkhi*. n.p.: Dar al-Fikr.
- Abdul Karim Bin Muhammad al-Rafie. 1997. *al-Aziz Sharah al-Wajiz al-Ma'ruf bi al-Syarah al-Kabir*. n.p.: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Abu Ishaq Ibrahim bin Ali Bin Yusuf al-Fairuzabadi al-Shirazi. 1995 . *al-Muhadhdhab Fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu Abdullah Malik Bin Anas al-Asbahi. 1994. *al-Mudawwanat al-Kubra Li al-Imam Malik Bin Anas al-Asbahi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ali Ahmad al-Nadwi. 1994. *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah Mafhumuha, Nash'atuha, Tatawwuruha, Dirasah Mu'allafatiha Adillatiha Muhimmatiha Tathbiqatiha*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Ahmad bin Idris al-Qarafi. 1994. *a-Dhakhirah*. n.p.: Dar al-Qarb al-Islamiyyah.
- Anisah Abd Ghani. 2007. *Kedudukan Mazhab Syafi'ie Dalam Ibadat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Fauzi Abd Hamid. 2013. *Solat Emergency Rukhsah Solat Dan Wuduk Ketika Musibah*. Kuala Lumpur: Terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Habibah Binti Jusoh. 2011. *Persepsi Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Rukhsah Solat Jamak Qasar*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibn al-Madani. 2011. *Pedoman Musafir Panduan Dalam Perjalanan*. Batu Caves, Selangor: Pustaka al-Ehsan.
- Johari Yaman. 2012. *Bimbingan Penghayatan Kesempurnaan Solat*. n.p.: Nadi Minda Resources.
- Malik Ibn Anas. 1991. *al-Muwatta' Bi Riwayat Muhammad Bin Hasan*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Mansur Bin Yunus Bin Salah al-Din Abu Hassan Bin Idris al-Bahuti al-Hanbali. 1925. *al-Rawd Al-Murbi' Sharh Zad al-Mustaqni'*. n.p.: Darul Muayyad.
- Mashhur Hasan Salman. 1986. *al-Jama' Bayna al-Al-Salatayni Fi Hidr Bi Uzri al-Matar*. Oman: Darul Imar.
- Muhammad Nashiruddin. t.th. *Ta'lim al-Ahkam dan Pembaruan Usul Fiqh*. Jawa Tengah: Fakultas Syariah IAIN Surakarta.
- Muslim Bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. 1991. *Sahih Muslim*. Muhammad Fu'ad Abd Al-Baqi (ed.). Kitab Shalat al-Musafirin Wa Qashruha Bab al-Jam' Bayna al-Shalatayn al-Safar. n.p.: Dar al-Salam.
- Muhammad Bin Muhammad Bin Muhammad Al-Ghazali. 1997. *al-Wasit Fi al-Madhab*. n.p.: Dar al-Salam.
- Muhammad Abu Zahrah. 1957. *Usul al-Fiqh*. n.p.: Dar al-Fikri al-Arabi.
- Muhamad al-Shatibi. 2008. *al-Muwafaqat*. Beirut: Dar Ibnu Affan.
- Muhamad Ibn Manzur. 2010. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Muhammad al-Sayyid Sabiq. 2009. *Fiqh Sunnah*. Terj. Nor Hasanuddin, Aisyah Saipuddin. WP Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication.
- Muhammad Bin Ahmad Bin Abi Sahl al-Sarakhsi. 1986. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Mohd Isa Bin Mohd Deni. 2010. *Sumber Ta'lim Ahkam Mengikut Praktis Ibnu Qudamah al-Maqdisi*. Bangi, Selangor: Jabatan Syariah, KUIS.
- Mohd Nasir 'Abdullah. 2012. *Solat Mengikut Empat Mazhab Dan Dalil Berkaitan Hukumnya*. n.p.: Darul Fikir .
- Muhammad Bakar Ismail. 2008. *al-Fiqh al-Wadiah*. Terj. M.Yusuf Sinaga, Suhendri Irandi, Hasanuddin Dolah, Muhammad Zuhirsan. n.p.: Jasmin Enterprise.
- Mohd Yusri Yubhi Mohd Yusof. 2015. *Seindah Solat Nabi*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muhammad Ashiq Ilahi al-Barni. 1987. *al-Tashil al-Daruri*. Karachi: Maktabah al-Shaykh.
- Muhammad al-Zuhayli. 2009. *al-Mu'tamad Fiqah Imam Syafie*. Terj. Arifin Ladari. Puchong, Selangor: Berlian Publication Sdn. Bhd.
- Muhammad Bin Idris al-Shafi'i. 1990. *al-Umm*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Bin Ya'kub al-Fayruzabadi. 1987. *al-Qamus al-Muhit*. n.p.: n. pb.
- Muhammad Bin Ahmad al-Khathib al-Sharbini. 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhamamd Bin Ahmad Ibn Rushd. 1986. *Bidayat al-Mujtahid Wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- Muhammad Bin Muhammad al-Khattabi. 1981. *Ma'alim al-Sunan*. Beirut: Maktabah al-Ilmiyah.
- Muhammad Bin Ali al-Shawkani. 1958. *Nayl al-Awtar Min Ahadis Sayyid al-Akhyar Sharh Muntaqa al-Akhbar*. n.p.: Idarah al-Tiba'ah.
- Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya Bin Sharaf al-Nawawi. 1995. *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. n.p.: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Muwaffaq al-Din Abu Muhammad Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Ibn Qudamah al-Maqdisi al-Jamili al-Dimashqi. 1997. *al-Mughni*. n.p.: Dar Alam al-Kutub.
- Wahbah al-Zuhayli. 1985. *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Beirut: Darul Fikr.
- Syaikh Abdul Rahman al-Jazari. 2011. *Fiqh Empat Mazhab*. Terj. H.M .Yusuf, H.M. Abdurrahman Saleh Siregar, H. Muhammad Zuhairsyan. Johor Bahru: Pernigaan Jahabersa.
- Yusuf Al-Qaradawi. 1926. *Fatwa Kotemporari Jilid 1, Siri 2 (Ibadah)*. Terj. Muhammad Hakim Rosly, Mohd Hafiz Daud, Shafiyah Abdul Khodir, Siti Zaharah Sharaie. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*